



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Pertemuan 'hangat'

Berita Harian, 30 March 1998, Page 11

Article also available on Microfilm Reel NL21260

Printer-Friendly Page

**Pertemuan 'hangat'****Senarai penerima bantuan dipersoal****MESYUARAT AGUNG PERSISI Oleh****MOHD SANI ALI**

**MESYUARAT** Agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi) di Persatuan Rakyat (PA) pagi semalam, kelihatan gagal mengurangkan 'kepanasan' anggota kerabat yang hadir meskipun ia diadakan dalam bilik yang berhawa dingin.

Sebaliknya, menyusuli rasa kurang senang sesetengah anggota terhadap senarai penerima Program Bantuan Kecemerlangan Sukan (Seap) Majlis Sukan Singapura (SSC) itu telah menyebabkan Jamaluddin Jamil dari Seni Silat Harimau kehilangan jawatannya sebagai setiausaha

agung Persisi.

Isu senarai penamaan 26 penerima geran yang bernilai dari \$600 hingga \$6,000 itu telah menjadi perdebatan hangat kerana para anggota kerabat turut mempertikai bagaimanakah Persisi mengambil kesimpulan mencalonkan para penerima penghargaan Seap itu kepada SSC.

Dalam pemilihan undian bagi kerusi jawatan yang sering dikatakan sebagai yang 'terpanas', Jamaluddin 'tumpas' dengan kiraan tujuh undi di tangan Aeji Karma dari perguruan Setia Hati, yang

menerima 21 undi, dan tiga undi lagi diterima oleh calon ketiga, Samad Salleh dari Panca Sakti.

Sehubungan dengan itu, bekas juara silat dunia, Sheik Alauddin Yacoob, menjadi pesilat pertama dalam sejarah Persisi dipilih secara rasmi menerusi undian untuk menjadi anggota jawatankuasa badan tersebut.

Sementara itu, Haji Abdul Rahman Ismail berjaya mengekalkan kedudukannya selaku presiden Persisi tanpa bertanding untuk penggal yang keempat.

Haji Abdul Rahman

mengalu-alukan kehadiran muka-muka baru dalam anggota jawatankuasanya dan berharap setiap pihak akan memberi kerjasama dalam memastikan seni silat setempat membuat persiapan yang lebih rapi di peringkat yang lebih tinggi dalam menghadapi cabaran tahun 2000.

Berikut ialah senarai anggota Jawatankuasa Persisi 1998/2000:

Presiden: Haji Abdul Rahman Ismail.

Naib Presiden I: Haji Abdullah Safie.

Naib Presiden II: Haji Sayuti Hussin.

Naib Presiden III: Saini Abdul Rahman.

Setiausaha Agung: Aeji Karma.


Penolong Setiausaha I: Mohd Yusof Mohamad.

Penolong Setiausaha II: Johari Mokti.

Bendahari Kehormat: Shariff Yatim.

Penolong Bendahari: Jamaluddin Malik Attan.

Anggota Jawatankuasa: Sheik Alauddin Yaacob, Haji Mohd Noh Khalid, Misratin Haji Tukiman, Mohd Famy Ismail, Haji Latiff Abdul Rahman, Sumarleki Amjah dan Haji Zainal Abidin.



**AEJI KARMA:** Menerima 21 undi untuk memegang jawatan setiausaha agung Persisi.